

10 DEC 2002

DR MAHATHIR HADIR RUMAH TERBUKA WANITA UMNO

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali hari ini menghadiri majlis rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran Pergerakan Wanita Umno di sini.

Ketibaan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah disambut ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz, naib ketuanya Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil serta anggota Exco pergerakan itu.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood serta beberapa menteri kabinet dan pemimpin parti komponen Barisan Nasional.

Dr Mahathir kemudiannya menyampaikan sumbangan hari raya daripada Wanita Umno kepada sekumpulan anak yatim.

Majlis itu turut diserikan dengan persembahan kebudayaan oleh kumpulan Yayasan Warisan Johor Darul Takzim, kumpulan Dondang Sayang Seri Melaka dan kumpulan tarian Taman Budaya Pahang.

-- BERNAMA

RZS AT MFJ NMO